

## Periksa dan kaca mata percuma bagi warga miskin Bishan-Toa Payoh

Oleh CHAIRUL FAHMY HUSSAINI

[chairul@sph.com.sg](mailto:chairul@sph.com.sg)

SERAMAI 130 penduduk miskin dalam lingkungan GRC Bishan-Toa Payoh menjalani pemeriksaan mata dan menerima kaca mata percuma semalam.

Acara dikenali sebagai Hari Penjagaan Mata itu dianjurkan badan kebajikan Adventist Home for the Elders (AHE). Ini tahun kedua ia diadakan.

Bagi memastikan golongan miskin menikmati pemeriksaan mata rapi, AHE menyediakan seorang doktor pakar mata dan bekerjasama dengan syarikat kaca mata The Lens Men, yang menyediakan unit bergerak pemeriksaan mata, Eye Care-a-Van, dengan empat ahli optometris dan optik.

Tujuan acara itu ialah mengenal pasti adakah golongan tersebut menghadapi masalah penglihatan seperti rabun jauh dan rabun dekat serta masalah lain, termasuk glaukoma dan katarak.

“Penyakit mata yang dikesan di peringkat awal boleh ditangani. Jika dibiarkan tanpa dirawat, kerumitan boleh berlaku dan menyebabkan buta,” kata jurucakap AHE.

Acara yang diadakan di Blok 195,

Kim Keat Avenue itu dirasmikan oleh Mayor Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) Central Singapore, Encik Zainudin Nordin, yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Bishan-Toa Payoh.

Turut hadir sebagai tetamu istimewa ialah dua lagi AP GRC Bishan-Toa Payoh, Cik Josephine Teo dan Encik Hri Kumar.

Dalam ucapannya, Encik Zainudin berkata: “Saya amat menghargai usaha yang dijalankan AHE ini. Warga tua kita mudah jatuh dan sukar melakukan aktiviti harian jika mereka tidak mempunyai penglihatan yang baik.”

Antara mereka yang menikmati pemeriksaan mata percuma itu ialah Cik Hanifah Abdul Aziz, 77 tahun.

Beliau, yang tinggal di Blok 199, Toa Payoh North, berkata: “Daya penglihatan saya mula berkurangan sejak setahun lalu. Jadi saya rasa syukur ada pemeriksaan percuma ini.”

Pengarah Urusan, The Lens Men, Encik Peter Koh, berkata misinya ialah membantu seberapa ramai warga susah menikmati penglihatan baik.

“Penjagaan mata di peringkat awal adalah satu keperluan asas. Ia bukan satu kemewahan,” ujar beliau.



**PELUANG JAGA PENGLIHATAN:** Seorang ahli optometris, Encik Freddy Go, memeriksa mata Cik Hanifah di sesi pemeriksaan mata bagi penduduk miskin GRC Bishan-Toa Payoh semalam. – Foto TAUFIK A. KADER